

**MENILAI PRESTASI FIRMA UKUR BAHAN YANG  
TELAH MENDAPAT PENGIKHTIRAFAN  
MS ISO 9000**

**NOR ASHIKIN BINTI TEH**

Laporan Ini Dikemukakan  
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**2000**

## ABSTRAK

---

Dalam industri binaan, kualiti bermula dari perancangan rekabentuk, pengurusan pembinaan, penghasilan produk dan pengeluaran. Ianya merupakan aspek-aspek perkhidmatan yang diberikan oleh Jurukur Bahan, Arkitek, Kontraktor dan Klien. Salah satu kumpulan yang memberi khidmat ialah Jurukur Bahan. Dalam industri binaan, kualiti pembinaan adalah tanggungjawabnya terletak lebih kepada Jurukur Bahan dimana ia merupakan penasihat, perancang, penganggar, pengawal dan pembelanjawan yang melibatkan kos dan kualiti dalam sesuatu projek pembinaan. Oleh itu Sistem Pengurusan Berkualiti MS ISO 9000 adalah begitu penting sekali dalam perkhidmatan yang disalurkan oleh Jurukur Bahan. Terlalu kecil bilangan Firma Ukur Bahan yang mengaplikasikan Sistem Pengurusan Berkualiti ini dalam perkhidmatan mereka. Kesedaran dan pembuktian terhadap kelebihan dan faedah yang diperolehi ini harus diwar-warkan kepada pihak lain yang belum mengaplikasikannya. Kajian ini bertujuan mendedahkan apa yang diperolehi oleh firma yang telah mengaplikasikan dan mendapat pengiktirafan MS ISO 9000 dari segi menilai prestasi firma ini dan kaedah yang digunakan untuk mengekalkan pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9000 dalam organisasi mereka. Pelaksanaan kajian ini dilakukan kepada Firma Ukur Bahan yang telah dan belum mendapat pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9000. Kajian kes dilakukan terhadap firma yang telah mendapat pengiktirafan ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa prestasi firma ini telah meningkat berdasarkan kriteria-kriteria penilaian prestasi yang dilakukan oleh penyelidik dan mereka berpendapat bahawa Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9000 memberi banyak kelebihan dan faedah untuk perkembangan dan masa depan organisasi mereka. Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9000 ini membantu firma dalam menjalankan sistem pengurusan yang sistematik dan efisien. Kaedah pengekalannya tertumpu kepada prinsip pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9000 iaitu “apa yang ditulis dalam manual kualiti itulah yang mesti dilaksanakan”.

## ABSTRACT

---

In construction industry, quality is the beginning in design planning, construction management, and productions. That service are from Quantity Surveyor, Architect, Contractor and Clients. One of them give their service is Quantity Surveyor. In construction industry, constructions quality is under Quantity Surveyor responsibilities, as a consular, planner, estimator, securities and budgeting for cost and quality in construction project. Quality Management System MS ISO 9000 is important in service of Quantity Surveyor. A little bit Firms Quantity Surveyor was implemented Quality Management System in their service. Realization and showing of the advantages and benefits must be advertised to other parties which is not yet use it. This research is for expose what the firms achieve after implemented and awarded MS ISO 9000 from performance measurement and methods how to maintain the Quality Management System MS ISO 9000 award in their organization. This research is focussed to Firms Quantity Surveyor was and will Quality Management System MS ISO 9000 award. Case study is for the firms were awarded. Results of these research is the performance of the firms was improved based on the criteria's by performance measurement and their summary is the Quality Management System MS ISO 9000 give more advantages and benefits for improvement and to their future organization. Quality Management System MS ISO 9000 will help the firms for systematic and efficiency operational management system. Methods for maintaining the awarded are concentrated to the principle of implemented Quality Management System MS ISO 9000 is "what you write in quality manual that is you must do".